

04 DEC 2002

Mahathir-Doktor (Bergambar)

DR MAHATHIR TIDAK PERNAH SANGSI KEUPAYAAN DOKTOR TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak pernah merasa sangsi dengan keupayaan doktor dan pakar bedah tempatan dalam menjalankan pembedahan terhadap pesakit.

"Orang lain mungkin sangsi tapi saya tak pernah. Itulah sebabnya saya yakin kepada pakar bedah kita.

"Kita mempunyai pakar bedah berkelayakan seperti orang lain malahan sesetengahnya mungkin lebih baik daripada orang lain," katanya kepada pemberita selepas melawat pasangan kembar Siam, Azama dan Azami Kamarulzaman, tujuh bulan, yang berjaya dipisahkan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini.

Hadir sama ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Azama yang bercantum usus, hempedu, hati dan sebahagian jantung dengan adiknya Azami, dipisahkan di HKL oleh sepasukan 46 pakar dan jururawat dari seluruh negara dalam satu operasi selama 19 jam mulai 11.45 pagi pada 23 Nov lepas.

Dr Mahathir berkata sehingga kini 17 pembedahan kembar Siam dilakukan di negara ini iaitu sembilan pembedahan di HKL dan lapan di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Petaling Jaya.

Beliau berkata kerajaan tidak boleh menghalang sesiapa saja yang memilih mendapatkan rawatan dan menjalani pembedahan di luar negara.

Katanya setiap pembedahan mempunyai risikonya dan tiada sebarang jaminan bahawa pembedahan itu akan selamat.

"Tidak ada doktor yang mampu memberi jaminan. Saya bekas doktor dan saya tidak akan memberi jaminan seseorang yang saya rawat itu akan pulih, tetapi kita boleh cuba dan selepas itu kita berserah kepada Allah," kata Perdana Menteri.

Katanya banyak pembedahan yang dilakukan dalam negara dibuat tanpa publisiti meluas dan ada yang berjaya tetapi ada juga yang gagal.

Dr Mahathir yang turut ditanya mengenai perkembangan Azama dan Azami berkata, Azama kelihatan lebih ceria dan membuka matanya serta mempunyai tindak balas lebih baik berbanding adiknya, Azami.

"Yang kecil (Azami) nampak lemah sikit. Saya percaya dia lemah dari awal, mungkin ambil banyak masa sikit sebelum boleh keluar tapi doktor kata perkembangannya okay," katanya.

Pakar Bedah Pediatrik HKL Dr Zakaria Zahari, yang mengetuai pasukan pembedahan bagi memisahkan pasangan kembar itu berkata, Azama dijangka dipindahkan dari Unit Rawatan Rapi ke wad biasa hari ini kerana tahap kesihatan semakin baik tanpa mengalami komplikasi.

Azama yang mula mampu menelan makanan dijangka dibenarkan pulang minggu depan manakala Azami yang telah menjalani pembedahan semalam bagi membuang sebahagian ususnya yang tersumbat, akan terus berada di ICU untuk beberapa hari lagi, katanya.

-- BERNAMA
RZS MAM MAI